

APLIKASI KUALITI KEPIMPINAN RASULULLAH S.A.W DALAM PEMBENTUKAN JATI DIRI PENDAKWAH MASA KINI^(*)

*(The Application of Prophet's Qualities of Leadership in Shaping
Preacher's Identity of Today)*

Redwan bin Yasin¹, Sayuti Ab. Ghani², Burhanuddin bin Jalal³

ABSTRACT

Quality leadership is fundamental in ensuring effective and efficient process on achieving the desired vision and mission of a duty or task. As Muslims who hold firm to al-Quran and as-Sunnah, we ought to give full recognition to the exemplary leadership attributes shown by Prophet S.A.W the final messenger of Allah SWT. As the best of man with the best of examples, his exemplary leadership attributes should be followed by all mankind. This is imperative, especially in shaping the identity of a *Dai'e* (preacher) living in today's contemporary age, to face the ever changing challenges and trials in propagating the true image of Islam to the masses. Therefore, through this research, it aims to identify the exemplary attributes of leadership of Prophet S.A.W that can be found and taken from *Sirah al-Nabawiyah* (The Prophet Biography). The main scope of this research is then followed by explaining the method of application of Prophet S.A.W attributes of leadership in shaping the identity of today's Muslim preachers. This is in line with the practice of *Qudwatul Hasanah* which ought to be cultivated by all Muslims in every aspects of their life.

Keywords: *Leadership Qualities, Islam, Shaping Muslim Identity, Preacher.*

(*) This article was submitted on: 23/07/2014 and accepted for publication on: 15/10/2014.

¹ Pensyarah, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Email: redwan.yasin@yahoo.com

² Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, K L, Malaysia, Email: sayuti_70@yahoo.com

³ Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, K L, Email: drburhan63@gmail.com

PENDAHULUAN

Kepimpinan yang berkualiti adalah merupakan teras terpenting dalam menjamin kemantapan dan keberkesanan proses pencapaian visi dan misi yang diinginkan dalam melaksanakan sesuatu perkara. Sebagai umat Islam yang berpegang kepada al-Quran dan as-Sunnah, kita mempercayai bahawa Rasulullah S.A.W adalah satu-satunya insan yang memiliki ciri atau kriteria kepimpinan yang terbaik untuk dicontohi oleh umat sepanjang zaman. Hal ini amatlah penting, terutamanya dalam membentuk jati diri seorang *Dai'e* yakni pendakwah yang hidup pada zaman kontemporari, yang mana bakal berhadapan dengan pelbagai bentuk cabaran dalam menjalani tanggungjawab penyampaian risalah dakwah Islamiyyah kepada masyarakat umum. Justeru itu, melalui kertas kerja ini, akan dilihat tentang ciri-ciri kualiti kepimpinan yang dimiliki oleh Rasulullah S.A.W yang dapat dihayati menerusi *Sirah al-Nabawiyyah*. Skop utama dalam penulisan kertas kerja ini diteruskan dengan penjelasan tentang kaedah pengaplikasian kriteria-kriteria kepimpinan Rasulullah S.A.W dalam membentuk jati diri pendakwah Muslim yang berjaya. Hal ini dilihat amat bertepatan dengan pengamalan kepada istilah *Qudwatul Hasanah* yang sepatutnya diterapkan secara komprehensif dalam setiap aspek kehidupan umat Islam.

Kata kunci: *Kualiti Kepimpinan, Islam, Pembentukan Jati Diri, Pendakwah, Masa Kini*

1 PENDAHULUAN

Istilah dakwah bukanlah sesuatu yang boleh diasingkan daripada syiar Islam. Malahan tanpa dakwah, pastinya sukar untuk ajaran Islam berkembang dengan luasnya di seluruh dunia. Keberkesanan dalam pelaksanaan dakwah adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor utama yang sewajarnya diberikan penekanan supaya inpati mesej dakwah dapat disampaikan terus ke dalam hati golongan sasaran dakwah. Sememangnya mudah untuk kita mengajak dan berdakwah kepada insan lain, tetapi persoalannya adakah ianya benar-benar dapat difahami dan dihayati sepenuhnya, sekaligus mencapai objektif dakwah iaitu merubah keadaan diri insan supaya terarah kepada kebaikan dan meninggalkan kemungkaran.

Sebagai umat Islam, kita haruslah mengakui bahawa tiada idola terbaik yang dapat diambil sebagai sumber inspirasi untuk membentuk jati diri sebagai seorang pendakwah yang berkualiti, selain daripada merujuk kepada Rasulullah S.A.W. Hal ini telah dijelaskan melalui falsafah kerasulan Baginda seperti mana yang dinukilkan oleh Allah SWT dalam al-Quran:

“Wahai Nabi, sesungguhnya Kami mengutusmu sebagai saksi (terhadap umatmu), dan pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar) (45) Dan juga sebagai penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada agama Allah dengan taufiq yang diberinya; dan sebagai lampu yang menerangi”. (al-Ahzab, 33:46)

Menerusi ayat tersebut, dengan jelas Allah SWT menyebut bahawa Rasulullah S.A.W adalah sebagai penyeru kepada wahyu kalimah kebenaran seperti mana yang terkandung dalam ajaran Islam. Maka adalah merupakan suatu kerugian sekiranya seseorang insan yang ingin berdakwah di jalan Allah SWT tetapi tidak mencontohi sifat pendakwah yang dimiliki oleh Baginda. Sebagai *Qudwah Hasanah* kepada keseluruhan umat manusia, semestinya tidak terkira contoh teladan yang dapat kita diambil daripada diri Baginda. Akan tetapi, dalam melengkapkan pembentukan diri seorang pendakwah, maka seorang Muslim itu haruslah meneliti akan kehebatan ciri kepemimpinan Rasulullah S.A.W yang mempunyai kualiti tersendiri. Hal ini adalah kerana berbekalkan kepada petunjuk kriteria-kriteria kepemimpinan Baginda akan mewujudkan identiti diri seorang pendakwah yang berjaya, khususnya pada era globalisasi masa kini yang penuh mencabar.

2 KUALITI KEPIMPINAN DALAM DIRI RASULULLAH S.A.W

Secara dasarnya, tidak wujud sebarang perbezaan yang ketara antara pihak Barat mahupun Islam dalam mentakrifkan erti kalimah samada kepemimpinan. Menurut pandangan pihak Barat, mereka menyatakan bahawa pendekatan *Leadership* mengandungi beberapa elemen-elemen utama yang harus dititikberatkan dalam mewujudkan suatu bentuk kepemimpinan yang berkesan, iaitu segala bentuk latihan yang mencukupi, sifat dan karakter diri, pengetahuan terhadap apa yang wajib dilakukan oleh pemimpin atau pengikut, dan yang terpenting ialah penekanan terhadap faktor situasi atau keadaan yang berkemungkinan akan merupakan persekitaran kepemimpinan. (Khaliq & Rodrique, 2011:123). Manakala *al-Imam* atau *al-Qiyadah* menurut perspektif Islam juga merupakan suatu aspek terpenting yang menjadi pegangan utama dalam merealisasikan misi dan visi sesebuah organisasi. Memetik kata-kata daripada seorang salah seorang ilmuwan Islam, Ibnu Taimiyah yang menjelaskan tentang teori kepemimpinan dalam ruang lingkup perbahasan Islam (Masnur Hamzah, 2010:5):

“Wajib diketahui, mentadbir urusan manusia termasuk dalam kewajipan agama. Malah, agama tidak bernilai tanpanya. Kepentingan manusia hanya boleh dicapai dengan sempurna melalui gerak kerja berkumpulan. Ini adalah kerana, mereka saling memerlukan antara satu sama lain. Apabila berkumpul mereka perlu memiliki pemimpin”.

Keunikan kepimpinan menurut kaca Islam berbanding dengan teori kepimpinan yang dikeluarkan oleh pihak Barat atau mana-mana selain Islam ialah, sumber rujukan *Naqli* yang diintergrasikan bersama dengan kefahaman *Aqli* adalah teras kepada pembentukan nilai kepimpinan yang berkualiti di sisi Islam. Maksudnya di sini ialah ianya tidak hanya dibina berpandukan kepada pengamatan dan penilaian kepada bentuk-bentuk latihan atau kekuatan luaran atau zahir yang dimiliki oleh organisasi, akan tetapi faktor kerohanian yang bersumberkan kepada dalil al-Quran dan as-Sunnah juga dititikberatkan dalam membina jati diri seorang *Imam* atau *Amir* yang hebat. Tidak sewajarnya bagi kita sebagai umat muslimin untuk terlalu taksud dan mengagungkan konsep kepimpinan Barat samada dari sudut latihan mahupun pengamalan teori kerana hakikatnya kita yang wajib diambil sebagai idola kepimpinan sejati ialah Rasulullah S.A.W yang merupakan *Qudwah Hasanah* dalam segenap sudut kehidupan.

Tidak dapat disangkal lagi akan kehebatan dan kemantapan kepimpinan Baginda seperti mana yang wujud dalam catatan *Sirah al-Nabawiyah*. Antaranya ialah Baginda adalah seorang pemimpin sejati yang berjaya mendirikan sebuah kerajaan Islam Madinah yang terdiri daripada pelbagai kelompok agama dan bangsa. Bahkan Baginda telah berjaya mengetuai beberapa misi peperangan besar dalam sejarah Islam dan mendapat pengiktirafan pihak Barat dalam kepimpinan Baginda. Kriteria agung yang ditonjolkan dari sudut kepimpinan organisasi mahupun individu, serta dalam mewujudkan ketaatan, kehormatan dan pengiktirafan insan lain terhadapnya, samada dalam oleh umat Baginda mahupun mereka yang bukan Islam adalah bukti kepada kehebatan *al-Qiyadah* yakni kepimpinan Rasulullah S.A.W. (Afzalur Rahman, 1980:60). Justeru itu, antara ciri-ciri kualiti kepimpinan Rasulullah S.A.W yang sepatutnya menjadi contoh pegangan dalam kalangan umat Islam ialah:

2.1 Ketinggian akhlak

Keperibadian seorang muslim sejati adalah bergantung kepada ketinggian akhlak yang dimiliki olehnya. Ciri ini adalah merupakan elemen paling utama dalam membentuk kualiti kepimpinan yang tinggi menurut pandangan Islam. Jika dilihat, sebelum Baginda menerima wahyu pertama dan diangkat menjadi

Rasulullah, nama Muhammad bin Abdullah sememangnya harum dan mulia dalam kalangan masyarakat arab Mekah dan terkenal dengan ketinggian akhlak berperibadi mulia sehingga Baginda mendapat jolokan gelaran *al-Amin* kerana sifat amanah yang dimilikinya. Ciri ini juga adalah selari dengan motif perutusan Rasulullah S.A.W sendiri ke muka bumi iaitu sebagai pelengkap kepada akhlak mulia dalam kalangan manusia dan melakukan terhadap transformasi positif terhadap adat *jahiliyah* yang wujud pada ketika itu. Pemimpin sejati yang mencontohi Baginda hendaklah memberikan contoh akhlak terbaik untuk diikuti supaya dirinya tidak digolongkan dalam golongan yang dimurkai oleh Allah SWT, sekaligus menyebabkan hilangnya hormat pengikut terhadap dirinya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“(2) *Wahai orang-orang yang beriman, mengapakah kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu kerjakan? (3) Amat besar kebencian di sisi Allah bahwa kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu kerjakan*”

(al-Saff, 61: 2-3)

Pemimpin yang ingin dirinya menjadi ikutan kepada pengikutnya hendaklah sentiasa mendahulukan perbuatan mulia dan mencerminkan akhlak mulia untuk dijadikan contoh teladan serta ikutan kepada pengikutnya. perihal begini disebut sebagai metod *Da'wah bil Hal* iaitu penyampaian mesej dakwah melalui kaedah contoh perlakuan atau perbuatan. Haruslah diketahui bahawa kemuliaan dalam keperibadian insan hanya akan tercapai sekiranya hidup mereka dipandu dengan suruhan dan larangan Allah SWT dan ajaran Rasulullah S.A.W dengan penuh rasa tekun dan bersungguh-sungguh. (Redza Zainal Abidin, 1989:25). Kemuliaan dalam peribadi insan yang digelar pemimpin akan menjadi sempurna sekiranya dirinya menjadi insan yang bertaqwa yakni bukan sahaja mahu ditaati oleh pengikutnya, akan tetapi dirinya terlebih dahulu mentaati Allah SWT.

2.2 Ketahanan dan Kesabaran

Meniti kehidupan sebagai seorang pemimpin bukanlah suatu yang menyenangkan kerana beban tanggungjawab yang dipikul adalah amat berat. Maka dengan itu Islam menganggap bahawa kesabaran adalah kualiti kepimpinan yang utama harus diterapkan dalam diri pemimpin. Tanpa kesabaran, maka akan hancurlah kekuatan sesebuah organisasi dan hilanglah jati diri seorang pemimpin. Lihatlah kepada kehidupan Rasulullah S.A.W yang sentiasa didatangi ujian oleh Allah SWT, bagi melihat tahap kesabaran Baginda sebagai seorang Rasul (Utusan Allah SWT), pemimpin, dan juga makhluk Allah

SWT. Ternyata kesabaran adalah kunci utama dalam menghasilkan kualiti kepimpinan apabila gerakan dakwah Islamiyyah yang bermula secara sulit akhirnya bertukar kepada pimpinan kerajaan Islam yang hebat di Madinah.

Ketahanan juga ialah suatu perihal tahan atau keupayaan menanggung derita terhadap sesuatu. Ketahanan juga bermakna tetap keadaannya walaupun mengalami pelbagai keadaan, sanggup menahan sesuatu dengan teguh hatinya. Ketahanan terbahagi kepada dua iaitu ketahanan fizikal dan ketahanan spiritual. Ketahanan fizikal merangkumi aspek-aspek lahiriah seperti ketahanan ketenteraan. Ketahanan spiritual merupakan ketahanan dalaman yang meliputi aspek agama dan moral. Ketahanan dalaman dibina menerusi ilmu pengetahuan dan penghayatan agama (akidah) atau kepercayaan. (Mahdi Shuib, 2013:120)

2.3 Kemampuan menguasai diri

Ketinggian nilai kepimpinan Rasulullah S.A.W juga dapat dilihat pada penguasaan diri atau "self control" yang dizahirkan dalam kepimpinan Baginda. Sememangnya sebagai seorang ketua atau Imam, pastinya mempunyai hak penguasaan terhadap golongan bawahan bagi membolehkannya memimpin dan mentadbiran pengoperasian sesebuah organisasi atau kerajaan. Konsep penguasaan ini yang diistilahkan dalam Islam sebagai *al-Qiwamah* yakni hak kekuasaan yang terletak di atas bahu seorang ketua atau pemimpin, yang mana bukanlah diwujudkan bagi tujuan untuk mewujudkan jurang antara pemimpin dengan rakyat bawahan, jauh sekali untuk membezakan darjat sesama manusia, akan tetapi ianya sebagai suatu bentuk amanah besar yang dipikul apabila seorang pemimpin itu akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas rakyatnya dan bakal dipersoal oleh Allah SWT tentang perilaku rakyat atau pengikutnya. Perkara ini adalah di antara elemen kepimpinan yang sangat dijaga dan dipelihara oleh Rasulullah S.A.W.

Lihat betapa tenangnya jiwa dan kawalan perasaan yang dilakukan oleh Baginda dalam mengekalkan kestabilan emosi walau dalam apa jua bentuk situasi yang dihadapi. Sungguhnya hak kekuasaan sebagai ketua ada di tangan Baginda, tetapi tidak pernah sesekali salah digunakan. Malah segala penghakiman dan keputusan yang dilakukan oleh Baginda adalah merujuk kepada petunjuk wahyu Allah SWT dan tidak sesekali mengikut hawa nafsu.

Kemampuan mengawal nafsu dalam diri adalah nilai Mahmudah dalam kepimpinan Baginda yang wajar dicontohi. Kehebatan Baginda mengawal emosi dan mewujudkan ketenangan jiwa dapat dilihat pada

ketegasan dan kelembutan yang dizahirkan oleh Baginda. Semasa menyampaikan dakwah kepada kaum muslimin atau kafir, tutur kata yang diucapkan amatlah lembut dan mencairkan hati yang mendengar. Akan tetapi apabila tiba peringatan tentang ancaman azab Allah SWT terhadap golongan yang ingkar yang mengkhianati amanahNya, maka akan merah padam wajahnya bagi menunjukkan bahawa ia bukanlah perkara yang boleh dipandang remeh. (Rusydi Ramli, 2012:175). Perkara yang terpenting dalam mencontohi penguasaan diri gaya Rasulullah ialah sebelum menguasai dan mengawal insan lain, pemimpin haruslah mampu untuk menguasai diri sendiri terlebih dahulu supaya tidak terpengaruh oleh nafsu negatif yang menjerumus ke arah kesesatan.

2.4 Keadilan dalam pemberian hak

Menurut pandangan Islam, definisi keadilan adalah berbeza dengan pandangan Barat. Keadilan dalam Islam tidak semestinya membawa maksud kesamarataan bagi kesemua pihak, akan tetapi lebih kepada pemberian hak kepada mereka yang lebih memerlukan. Konsep pembahagian mengikut tahap keperluan adalah merupakan tunjang utama dalam penentuan keadilan dalam Islam. Definisi keadilan yang dijelaskan oleh ajaran agama Islam dilihat agak berbeza dengan terjemahannya menurut istilah kebiasaan bagi bahasa lain. Ini adalah kerana maffhum kalimah '*Adil*' menurut agama Islam adalah meletakkan sesuatu itu betul dan tepat kepada tempatnya. Ianya tidak bererti melayan semua tuntutan yang dikemukakan secara sama-rata dan sama rasa sepanjang masa. (Ridhuan Tee, 2010:43). Konsep keperluan dan kemaslahtan sentiasa dititikberatkan oleh Rasulullah S.A.W semasa pentadbiran Baginda.

Sepanjang tempoh pemerintahan Rasulullah S.A.W sebagai seorang pemimpin kerajaan Islam pada ketika itu, tidak pernah wujud sebarang rungutan atau bantahan samada daripada kaum muslimin mahupun bukan Islam mengenai penyelewangan yang dilakukan oleh Baginda. Kesemuanya akur dan taat kepada petunjuk yang dibawa oleh Baginda kerana prinsip keadilan terutamanya dalam membahagikan hak-hak mengikut kemaslahtan ummah. Malah Baginda sentiasa dicintai dan disanjung oleh rakyat serta pengikut kerana tidak wujud sebarang pengamalan istilah "double standard" atau diskriminasi dalam pentadbiran Baginda. Kesemuanya dilayan secara adil dan saksama, samada dengan yang miskin ataupun yang kaya, kaum kerabat ataupun kenalan, bahkan tidak wujud sebarang prosedur serta protokol tertentu untuk berbincang dan mengadu sesuatu masalah kepada Baginda. Rakyat tidak pernah rasa malu atau takut untuk bersalaman dan berpelukan sebagai

melahirkan rasa cinta yang mendalam terhadap kejujuran dan keadilan Baginda selaku pemimpin umat Islam. (Abu Muhammad, 2011:160). Lihatlah betapa berbezanya kualiti kepimpinan yang wujud dalam diri Baginda jika dibandingkan dengan mana-mana pemimpin umat Islam masa kini yang kadangkala lebih terikat dengan sistem birokrasi dan terlalu mementingkan protokol yang akhirnya berkemungkinan akan menyebabkan dirinya jauh daripada rakyat yang dipimpinnya.

2.5 Keberanian dan kekentalan

Sifat berani dalam diri dan kecekalan hati yang ditonjolkan oleh Baginda S.A.W sama sekali tidak dapat disangkal dan haruslah dicontohi. Menurut penilaian yang dilakukan oleh golongan sarjana Islam terhadap salah satu kriteria terbilang yang dimiliki oleh Baginda sebagai seorang pemimpin ialah berani untuk berterus terang dalam soal kebenaran. Keberanian tampak jelas dari sikap Baginda dalam setiap perbuatan dan perkataan yang diucapkan dan sentiasa ditonjolkan secara terang-terangan, walaupun hakikatnya Baginda tidak mempunyai insan pembela, harta, atau senjata yang hebat melainkan hanya kepercayaan yang kukuh dan keimanan terhadap kekuasaan Allah SWT. (Abdurrahman, 2001:64). Bentuk kepemimpinan yang berlandaskan ajaran Islam mestilah disokong oleh tahap keberanian yang tinggi terutamanya dalam menegakkan wahyu Allah SWT dan pengamalan pengamalan *Amr Ma'ruf wa Nahy Mungkar* yakni menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran. Realitinya ialah tanpa keberanian, mustahil kebenaran dan segala yang hak dapat ditegakkan di muka bumi Allah SWT. Demikianlah tugas utama yang dipikul atas bahu seorang ketua dalam mengemudikan bahtera organisasi supaya menjerus kepada perkara kebajikan dan menghapuskan segala bentuk kebatilan.

Sekiranya hilang keberanian dalam jiwa, maka akan musnahlah sesebuah organisasi kerana seorang pemimpin tidak berani untuk menegur kesalahan yang dilakukan oleh pengikut bawahannya. Sebaliknya dengan adanya nilai keberanian, maka akan wujudlah nilai tambah atau *Added Value* dalam diri individu yang bergelar Umara' kerana berjaya menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Allah SWT berhubung dengan motif penciptaan manusia iaitu untuk menjadi Khalifah yang memakmurkan dan mewujudkan kualiti moral yang tinggi dalam kalangan manusia. (Lokman Talib, 1995:105). Kecekalan hati perlu dipupuk dalam diri pemimpin Islam dan ditambah dengan sifat berani bagi mempersiapkan diri dalam menghadapi rintangan yang bakal ditempuh semasa menerajui pucuk pimpinan organisasi.

Maka di sinilah kekentalan dan kecekan diri memainkan peranan yang penting supaya jiwa manusia tidak dalam keadaan kejatuhan motivasi diri untuk bergerak ke hadapan. Memetik kata-kata Saidina Ali r.a dalam memuji keberanian dan kecekan Rasulullah S.A.W dalam mengetuai pasukan perang untuk menghadapi musuh. (Muhammad Jamaluddin, 2009:349):

“Sesungguhnya kamu telah melihatku pada Perang Badar. Kami berlandung dengan Rasulullah S.A.W, dan di antara kami, Bagindalah yang paling dekat dengan musuh. Dan pada hari itu Baginda adalah manusia yang paling kuat di antara orang-orang yang ada”.

2.6 Persiapan Kekuatan Mental dan Fizikal

Ajaran Islam sentiasa menganjurkan kepada insan supaya melakukan persediaan rapi dalam menghadapi sebarang bentuk kemungkinan yang bakal berlaku. Jauhkan diri daripada bersikap *al-Ghافل* yakni lalai atau dalam kelekaan kerana ianya bakal menghancurkan agama dalam diri insan. Rasulullah S.A.W sendiri sentiasa memohon agar Allah SWT menjauhkannya daripada bahaya kealpaan dan kelalaian, di samping meminta agar dipermudahkan persiapan untuk melakukan amalan kebajikan. Sebagai pemimpin yang berkualiti tinggi seperti Rasulullah S.A.W, persediaan yang wajib dilakukan adalah secara total iaitu merangkumi mental dan fizikal bagi setiap insan. Keprihatinan syariat Islam dalam hal ini adalah bertujuan untuk memelihara umat Islam daripada ditimpa kemusnahan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang beriman, bersiap sedialah kamu, dan majulah (ke medan pertempuran) berkelompok-kelompok, atau majulah bersama”

(al-Nisa, 2: 71)

Intipati persediaan dalam ayat tersebut diulangi dan dikuatkan lagi menerusi firman Allah SWT dalam ayat 102, surah al-Nisa', yang mana Allah SWT menjelaskan tentang kaedah persediaan dalam sesebuah organisasi, iaitu dengan memerintahkan satu kumpulan berjaga dengan peralatan senjata masing-masing, dan satu kumpulan lagi membuat kawalan agar mereka bersedia sepenuhnya dalam menghadapi risiko serangan musuh samada secara mengejut mahupun yang telah dijangka. (Muhammad Jamaluddin, 2003:111). Jika dihayati pada zaman kini, umat Islam banyak tertewas dengan dakyah dan tawaran keuntungan duniawi yang diberikan oleh golongan bukan Islam. Tanpa kita sedari, sebenarnya kesemua itu adalah untuk menjadikan Islam tunduk akur di bawah perintah mereka dan menutup suara kebenaran dalam

menegak kalimah wahyu Allah SWT di muka bumi. Kekukuhan mental dan penetapan minda Rasulullah S.A.W untuk menyebarkan dakwah dan memimpin manusia ke jalan kebenaran ternyata teguh dan tidak mudah goyah walaupun diancam dan digoda dengan pelbagai tawaran samada dari sudut pangkat dan harta oleh musyrikin Mekah suatu ketika dahulu. Kesemuanya menemui kegagalan dan akhirnya mereka terpaksa bersepakat memboikot lalu menyakiti jasad Baginda. Namun berbekalkan kepada persiapan yang kukuh secara mental dan fizikal, di samping mengetahui hakikat perjuangan di jalan kebenaran sememangnya perit, maka Baginda tetap utuh berdakwah menyampaikan wahyu di jalan Allah SWT tanpa berputus asa. (Zulkifli & Noor Naemah, 2010:80).

3 KUALITI KEPIMPINAN DALAM PEMBENTUKAN DIRI PENDAKWAH

Dalam arus dunia yang serba canggih kini, pembangunan dakwah Islamiyyah dilihat seharusnya lebih pantas dan bertepatan dengan kehendak sosiologi semasa. Hal ini adalah penting kerana dakwah adalah instrumen utama yang memainkan peranan penting dalam perkembangan agama Islam samada di Malaysia mahupun seluruh dunia. Tidak dapat dinafikan bahawa dakwah Islamiyyah kadangkala menghadapi kesukaran dan cabaran dalam penyampaian mesej akidah, syariat dan akhlak Islamiyyah ke dalam hati manusia masa kini, terutamanya apabila berlaku persaingan dengan dakyah-dakyah agama selain Islam. Pemikiran positif haruslah diambil bagi memangkin semangat pendakwah-pendakwah Muslim zaman kontemporari untuk berusaha dengan lebih giat dan mengamalkan pendekatan dakwah yang lebih efisien dan mesra dengan jiwa *Mad'u Ilaih* yakni golongan sasaran dakwah.

Oleh yang demikian, yang terbaik untuk diterapkan dalam jiwa pendakwah yang menjadi tunjang utama keberkesanan penyampaian dakwah ialah dengan mengaplikasikan dan menerapkan dalam diri masing-masing akan kesemua kriteria-kriteria berkualiti yang dimiliki oleh Rasulullah S.A.W sebagai pendakwah. Bayangkan betapa hebatnya pendekatan dakwah Baginda sehinggakan keadaan masyarakat yang serba *jahiliyyah* akhirnya diterangi dengan sinaran *Nur Islam*. Malah akhlak *Mazmumah* yang meliputi kaum arab Mekah pada ketika itu, akhirnya berubah menjadi akhlak *Mahmudah* dan seterusnya berkembanglah agama Islam sehingga kini. Sebagai seorang Rasul yang diutuskan untuk memimpin penyampaian wahyu Allah SWT, Rasulullah S.A.W menghadapi rintangan yang amat berat iaitu memerangi akidah batil dan adat jahiliyyah kaum Musyrikin pada ketika itu. Baginda juga melumpuhkan perjuangan politik untuk menghancurkan kekuatan mereka

serta bertujuan mengambil alih kekuasaan dari tangan mereka. Semua itu sanggup ditempuh oleh Baginda sebagai jalan pembuka untuk dakwah agar syiar Islam dapat sampai kepada setiap insan tanpa mengira bangsa dan keturunan. (Abdurahman, 2001:64).

Selain mempunyai ilmu agama yang cukup mendalam, pembinaan jati diri seorang pendakwah haruslah selari dengan misi dan visi penyampaian dakwah. Ini adalah kerana yang seharusnya diambil kira dan dinilai adalah hasil yang dicapai setelah berlakunya pelaksanaan dakwah. Islam adalah sebuah agama yang bukan sahaja memandang kepada kuantiti atau jumlah bagi sesuatu, akan tetapi yang terpenting ialah kualiti yang dimiliki bagi sesuatu perbuatan. Di Malaysia umpamanya, dari dahulu lagi setelah 57 tahun merdeka dengan Islam sebagai agama rasmi bagi Persekutuan, marilah kita cermin kembali tentang nilai dan kualiti Islam yang wujud pada zaman kini, dan adakah syiar Islam berjaya mendominasi pemikiran dan kehidupan masyarakat? Tidak dinafikan bahawa sememangnya wujud peningkatan positif dalam perkembangan Islam di Malaysia samada dari sudut struktur pentadbiran dan kemasyarakatan, akan tetapi haruslah diakui bahawa ianya masih lemah dan sewajarnya diperkukuhkan lagi dengan penyebaran dakwah berpandukan kepada metod atau pendekatan yang mencontohi sifat Rasulullah S.A.W.

Menurut Prof. Dato' Paduka Dr Mohamad Abu Bakar, proses pengislaman dan pendakwaan dilihat seolah-olah kehilangan momentum, bahkan seakan-akan hilang daya tarikan akibat daripada kelemahan atau kekurangan pada pendakwah sendiri yang kadangkala gagal memberi isi kandungan dakwah yang mantap, di samping gagal mewujudkan identity *Dai'e* yang sepatutnya dalam pembabitian mereka semasa sesi berdakwah. Ternyata bukan sedikit pendakwah dan manusia yang didakwah gagal memperlihatkan peribadi dan identiti yang menarik mata sasaran dakwah. (Mohamad Abu Bakar, 1993:17).

Harus diingati bahawa sekadar mencontohi pakaian dakwah Rasulullah S.A.W sahaja tidak mencukupi, jika tidak disusuli dengan keperibadian mulia yang dizahirkan oleh Baginda S.A.W terutamanya dalam mendekati mereka yang baru berjinak-jinak dengan agama Islam. Perbanyakkanlah memberi contoh teladan yang terbaik dan menzahirkan keperibadian mulia seperti yang ditunjukkan melalui tabiat kepimpinan Rasulullah S.A.W. Pendekatan *Da'wah bil Hal* yang menyerupai pepatah Inggeris, "Actions speak louder than words" haruslah diterapkan dalam jiwa pendakwah masa kini.

Nilai kepimpinan dalam diri seorang akan lebih diakui sekiranya berjaya memenuhi asas utama bagi keterampilan diri sebagai seorang

pemimpin, iaitu sentiasa menunjukkan contoh terbaik untuk pengikut. Seandainya nilai utama ini tidak wujud, maka hakikatnya ialah dia dipatuhi bukanlah kerana dihormati dan disanjung, tetapi lebih kepada ditakuti selagi mana berkuasa. Kepimpinan dalam konteks bukan Islam adalah amalan zahir semata-mata. Manakala kepimpinan dalam konteks Islam dilihat sebagai teori dan praktikal (amali) secara sekaligus. (Balkis Ab. Ghani, 2007:54)

Melalui kepimpinan diri seorang pendakwah yang mencontohi Rasulullah S.A.W, maka penyampaian intipati dakwah akan lebih berhasil dan menjadikan gerakan dakwah lebih teratur. Jika diimbau kembali sejarah kebangkitan Islam di Tanah Melayu umpamanya, kesemuanya adalah berdasarkan kepada kekuatan dan kehebatan Umara' dan Ulama' terdahulu yang memelihara kesucian agama Islam agar terus mekar di Tanah Melayu, walaupun telah berulang kali mengalami zaman penjajahan oleh pihak Barat yang beragama Kristian. Pendakwah generasi baru seharusnya mencontohi kekentalan jiwa Rasulullah S.A.W dalam menegakkan kalimah Allah SWT seperti mana yang pernah dilalui oleh golongan pejuang negara terdahulu. Jika dilihat, kegiatan dan perkembangan dakwah selepas era kemerdekaan menjadi lebih luas dalam kalangan golongan pada era awal 1970-an seperti dengan adanya dakwah melalui landasan politik kepartian, dakwah melalui jentera atau institusi kerajaan, dakwah melalui pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya. Tidak dinafikan bahawa kadangkala terdapat kepincangan dalam soal pemikiran dan ideologi masing-masing, akan tetapi hakikatnya sumbangan terhadap agenda dakwah dan mengembangkan Islam tetap berterusan. (Ab Aziz Md Zin & Nor Raudah. *et al.*, 2006:46-47)

4 KESIMPULAN

Perkembangan Islam pada masa kini amat bergantung kepada medium dakwah Islamiyyah yang disampaikan oleh para Dai'e dengan mencontohi Rasulullah S.A.W sebagai *Qudwatul Hasanah* dalam menyeru kepada jalan wahyu Allah SWT. Oleh yang demikian, tanpa memiliki ciri-ciri kualiti kepimpinan dalam diri, akan menyebabkan kekurangan pada nilai diri yang hebat bagi seseorang pendakwah, sekaligus akan menjadi faktor kurangnya keberkesanan dalam penyampaian dakwah kepada masyarakat umum. Pengaplikasian terhadap kriteria-kriteria kepimpinan agung yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W adalah merupakan suatu keperluan terutamanya dalam berhadapan dengan masyarakat muslim atau non muslim yang hidup pada zaman kontemporari kini. Ianya pasti akan membuahkan hasil yang positif kerana telah dibuktikan melalui kajayaan dakwah Rasulullah S.A.W yang amat

mementingkan ciri-ciri kepimpinan diri dalam penyampaian dakwah, sehinggakan istilah dakwah dan kepimpinan amat sentiasa bergerak selari dan sukar untuk dipisahkan.

Penerapan ciri-ciri kepimpinan Rasulullah S.A.W dalam pembentukan diri tidak hanya terhad dalam konteks jati diri pendakwah sahaja, malah dalam diaplikasikan secara menyeluruh dalam keseluruhan bab yang berkaitan dengan konteks kepimpinan. Ini adalah kerana hakikat yang tidak dapat dinafikan iaitu Rasulullah S.A.W sendiri adalah merupakan penghulu segala Rasul, pengakhiran bagi Anbiya', pemimpin umat Islam, utusan Allah yang menyampaikan wahyu, dan kesemuanya sekali. Maka adalah merupakan suatu kerugian bagi umat Islam jika tidak mengambil peluang untuk merujuk dan mencedok ilmu-ilmu kepimpinan yang dizahirkan oleh Rasulullah S.A.W, terutamanya dalam membentuk diri sebagai seorang penyampai dakwah Islamiyyah yang hebat dan berjaya.

5 RUJUKAN

- Ab Aziz, M., Nor R., Yusmini, Md., Faridah, Mohd. S., & Mohd A. S. (2006). *Perkembangan Dakwah di Malaysia*, dlm. *Dakwah Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdurrahman. (2001). *Menghayati Dakwah Rasulullah di Era Globalisasi*, Kuala Lumpur: Serambi Timur Sdn Bhd.
- Abu Muhammad, S. (2011). *Mencontohi Kemuliaan Akhlak Rasulullah S.A.W*, Johor: Pustaka Azhar.
- Afzalur, R. (1980). *Muhammad as A Military Leader*, London: The Muslim Schools Trust
- Balkis, A. G. (2007). *Dasar Kepimpinan Melalui Teladan*, dlm. *Dasar-dasar Utama Kerajaan Malaysia*, pynt: Yusof Ismail, Kuala Lumpur: A.S Noordeen.
- Khaliq, A. & Rodrique, F. (2011). *Islamic Leadership at The International Islamic University of Malaysia*, in. *International Journal of Economics, Management and Accounting* 19, no. 2 (2011), Selangor: IIUM Press
- Lokman, T. (1995). *The Islamic Polity and Leadership*, Selangor: Delta Publishing Sdn Bhd
- Mohammad, A. B. (1993). *Selepas Kebangkitan Semua Islam? Pengislaman dan Pendakwahan Masa Kini: Satu Overview*, dlm. *Gerakan Dakwah dan*

- Orde Islam di Malaysia: Strategi Masa Depan, pynt: Angkatan Belia Islam Malaysia, Selangor: Budaya Ilmu Sdn Bhd.
- Muhammad, J. (2009). *Mau'izatul Mu'min min Ihya' Ulumidda'in*, ptrj: Akhyar Nasution, Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa.
- Masnur, H. (2010). *Quranic Leadership: Seni Memimpin Gaya al-Quran*, Selangor: PTS Publication & Distributor Sdn Bhd.
- Mahdi, S. (2013). *Ketamadunan Manusia*, Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Mohd. R. Z. A. (1989). *Mencapai Ketinggian Dunia Akhirat*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rusydi, R. J. (2012). *Biografi Agung Rasulullah Sallahu Alayhi Wasallam*, Kuala Lumpur: Must Read Sdn Bhd.
- Zulkifli, M. Y. & Noor, N. A. (2010). *Biografi Muhammad bin Abdullah: Perjalanan Hidup Seorang Nabi*. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd.